Pesawat asing tidak ceroboh

PPM - 24/9/2006

PEKAN 23 Sept. – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pesawat asing tidak menceroboh ruang udara negara ini sebaliknya mereka menjalani latihan di bawah Perjanjian Persefahaman Pertahanan Lima Negara (FPDA) dengan kebenaran kerajaan.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, latihan "Bersama Bersepadu" itu adalah latihan tahunan membabitkan lima negara iaitu Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan Britain.

Mingguan Malaysia difahamkan, latihan tersebut menggunakan 23 kapal dan 86 jet pejuang seperti MiG29N, Hawk, Tornado dan F/A-18.

"Ia bermula 7 September dan berakhir semalam (22 September) membabitkan latihan tentera udara, laut dan darat.

"Kita dan Singapura menjadi tuan rumah secara bergilir-gilir dan bagi latihan tahun ini, Singapura menjadi tuan rumah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup program Outreach Pendidikan Khas dan lawatan menangani isu-isu pendidikan anak Orang Asli dekat sini, hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan mengulas mengenai kekeliruan penduduk di beberapa buah kampung di Gelang Patah, Johor melihat jet-jet pejuang menceroboh udara Johor sewenang-wenangnya.

Jet-jet pejuang itu juga melakukan penerbangan rendah dan menyebabkan bunyi terlalu kuat sehingga mengganggu ketenteraman penduduk.

Beliau turut diminta mengulas perkembangan terkini penghantaran tentera Malaysia dalam misi pengaman Unifil, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lebanon.

Beliau berkata, kerajaan masih menunggu jawapan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan mengenai tarikh sebenar penghantaran tentera ke sana.

"Setakat ini, kita diberi kebenaran menghantar 386 tentera terdiri daripada pelbagai unit tentera darat seperti anggota dari 4 Briged Mekanis, Kuantan, Pasukan Gerak Khas dan Paskal dari beberapa kem di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, 200 anggota akan menjalankan tugas pentadbiran dan logistik manakala 186 anggota lagi menjalankan tugas atur gerakan khas lain," kata beliau.